



GARIS PANDUAN

GAMELAN MALAYSIA

(GALAKAN MELANCONG MALAYSIA)

(GM)

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(TOURISM MALAYSIA)

Panduan ini tertakluk kepada penilaian tahunan (*yearly review*) dan perubahan dari masa ke semasa.

KANDUNGAN

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Tujuan
- 1.2 Pasaran Sasaran
- 1.3 Format / Sumber Peruntukan
- 1.4 Siling Peruntukan
- 1.5 Amaun Pengembalian Kewangan

2. KATEGORI SYARIKAT YANG LAYAK MEMOHON

3. PROSES PERMOHONAN & PEMBAYARAN

4. SKOP PERMOHONAN & KRITERIA KELAYAKAN

Promosi Kategori dan Amaun Peruntukan (offline & online)

- 4.1 Penyertaan di dalam Pameran Pelancongan (*Travel Fairs / Exhibitions*)
- 4.2 Penyertaan di dalam Misi Jualan (*Tourism Sales Mission / Roadshows*)
- 4.3 Program Seminar Pelancongan & Webinar
- 4.4 Lawatan Suai Kenal (FAMTRIP)
- 4.5 Hebahan Video Melalui Platform / Medium atas talian (*Online*)

5. PERMOHONAN GAMELAN

- Senarai Semak (*Checklist*)

6. TUNTUTAN GAMELAN

- Senarai Semak (*Checklist*)

1. LATAR BELAKANG

1.1 TUJUAN/OBJEKTIF

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) melalui pelaksanaan GAMELAN ‘Galakan Melancong’ Malaysia adalah bertujuan untuk mempergiatkan program Promosi dan Pemasaran bagi meningkatkan ketibaan pelancong asing ke Malaysia, di samping merancakkan pelancongan domestik semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).

1.2 PASARAN SASARAN

- i. Domestik
- ii. Antarabangsa

1.3 FORMAT/SUMBER PERUNTUKAN

Format peruntukan adalah secara pengembalian kewangan (*reimbursable financial assistance*) di mana sumber peruntukan adalah peruntukan KHAS yang disalurkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang dikenali sebagai peruntukan ‘*Matching Grant*’ (Geran Sepadan) seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa Pembentangan Bajet 2019.

1.4 SILING PERUNTUKAN

Sejumlah RM300,000 telah diperuntukkan sebagai had siling bagi setiap sektor/ rakan kerjasama/ syarikat dicadangkan diturunkan

semula kepada **RM200,000** bagi memberi peluang yang lebih luas kepada penggiat industri pelancongan. Peruntukan yang diluluskan adalah bergantung kepada keperluan sebenar dan tertakluk kepada had siling yang ditetapkan. Mana-mana sektor/ rakan kerjasama/ syarikat yang telah menggunakan siling peruntukan **RM200,000** tidak akan dipertimbangkan lagi.

*Pengembalian (*reimbursable*) GAMELAN tertakluk kepada kedudukan peruntukan tahun semasa.

1.5 AMAUN TUNTUTAN PENGEMBALIAN KEWANGAN

Amaun yang boleh dituntut adalah berdasarkan satu (1) penyertaan/pelaksanaan, iaitu **50% daripada jumlah perbelanjaan sebenar ATAU mengikut kelayakan maksimum – yang mana lebih rendah**. Jumlah kelayakan maksimum amaun yang boleh dituntut adalah seperti di dalam **Jadual Kriteria Kelayakan - AKTIVITI/PROGRAM PROMOSI & PEMASARAN / KATEGORI / AMAUN PENGEMBALIAN (REIMBURSABLE)**

2. KATEGORI YANG LAYAK MEMBUAT PERMOHONAN GAMELAN

2.1 SYARIKAT YANG LAYAK MEMOHON;

- 2.1.1 Persatuan Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia yang berdaftar/diiktiraf di Malaysia; atau
- 2.1.2 Syarikat/ Agensi Pelancongan Malaysia yang berdaftar/ dilesenkan di bawah MOTAC & Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau

- 2.1.3 Pengusaha Penginapan yang berdaftar di bawah MOTAC dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau
- 2.1.4 Persatuan Membeli Belah (*Shopping*) yang berdaftar/ dilesenkan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) & Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau
- 2.1.5 Persatuan/Kelab mempromosikan produk minat khas (*niche*) seperti *Golfing, Birding, Diving, Fishing, Wedding, Cycling, Mountain Climbing, Paragliding, Motorsports, Gourmet* dan bidang-bidang lain yang bersesuaian yang berdaftar/ dilesenkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam Malaysia; atau
- 2.1.6 Pengusaha *Community Based Tourism* (CBT) yang berdaftar/ dilesenkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di dalam Malaysia; atau
- 2.1.7 Taman tema & pemilik produk Pelancongan, Seni & Budaya berdaftar/ berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan; atau
- 2.1.8 Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Companies*) yang mana kos promosi tidak dibiayai oleh Kerajaan, berdaftar/ dilesenkan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) & Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

2.2 KEMUDAHANINI TIDAK LAYAK UNTUK;

- 2.2.1 Agensi/Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri **TIDAK DIBENARKAN** memohon.

2.2.2 Sesuatu permohonan **TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN**

jika pemohon telah menerima subsidi/ pembiayaan/ penajaan daripada agensi kerajaan yang lain atau kos promosi yang telah diluluskan di bawah Geran Sokongan Pelancongan, Seni & Budaya (GSPSB) bagi **AKTIVITI YANG SAMA**.

3. PROSES PERMOHONAN & PEMBAYARAN

Skop permohonan adalah melibatkan aspek-aspek berikut:

- 3.1 Berpandukan kepada Pelan Strategik TM 2022-2026 dan keperluan pasaran semasa/ global;
- 3.2 Penilaian kertas cadangan/ permohonan dan proses semakan permohonan awal untuk kelulusan oleh Urus setia GAMELAN, Bahagian Perancangan Strategik dan Jawatankuasa Penilaian GAMELAN;
- 3.3 Proses persediaan dan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian GAMELAN oleh Urus setia GAMELAN, Bahagian Perancangan Strategik;
- 3.4 Jawatankuasa Penilaian GAMELAN menyokong dan memperakukan (bersama *Lead Party*) ke atas cadangan/ permohonan kepada Pihak Berkuasa Melulus;
- 3.5 Kelulusan oleh Ketua Pengarah ATAU semasa ketidaan Ketua Pengarah, oleh Timbalan Ketua Pengarah (Promosi) atau mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Ketua Pengarah;
- 3.6 Pengesahan terhadap penyertaan/ pelaksanaan aktiviti/ program berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh pemohon;
- 3.7 Tuntutan bayaran oleh pemohon berserta dokumen lengkap dan laporan penuh penyertaan/pelaksanaan aktiviti/program;

3.8 Proses semakan tuntutan dan bayaran kepada pemohon.

4. SKOP PERMOHONAN & KRITERIA KELAYAKAN

AKTIVITI/PROGRAM PROMOSI & PEMASARAN (Offline & Online) / KATEGORI / AMAUN PENGEMBALIAN (*REIMBURSABLE*)

Amaun yang boleh dituntut adalah berdasarkan satu (1) penyertaan/pelaksanaan, iaitu **50% (LIMA PULUH PERATUS)** daripada jumlah perbelanjaan sebenar ATAU mengikut kelayakan maksimum – yang mana lebih rendah

4.1 PENYERTAAN DI DALAM PAMERAN PELANCONGAN (*TRAVEL FAIRS / EXHIBITIONS*)

AKTIVITI / PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (<i>REIMBURSABLE</i>) -Kelayakan Maksimum-	
	OFFLINE	ONLINE
a) <i>International Travel Fairs / Exhibitions (Malaysia)</i>	RM20,000	RM10,000 Yuran Penyertaan Sahaja
b) <i>International Travel Fairs / Exhibitions (Luar Negara)</i>	RM30,000	RM10,000 Yuran Penyertaan Sahaja
c) <i>Malaysia Travel Fairs / Exhibitions</i>	RM20,000	RM10,000 Yuran Penyertaan Sahaja

4.2 PENYERTAAN DI DALAM MISI JUALAN (TOURISM SALES MISSION / ROADSHOWS)

AKTIVITI / PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (REIMBURSABLE) -Kelayakan Maksimum-	
	OFFLINE	ONLINE
a) Anjuran TM / b) Anjuran Pihak Lain i. Kementerian/Jabatan Kerajaan/Kerajaan Negeri ii. Persatuan/Penggiat Industri iii. Badan Profesional	Malaysia: RM20,000 Luar Negara: RM30,000	RM10,000

4.3 PROGRAM SEMINAR PELANCONGAN DI DALAM NEGERI DAN LUAR NEGERI

AKTIVITI / PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (REIMBURSABLE) -Kelayakan Maksimum-	
	OFFLINE	ONLINE
a) Seminar Pelancongan i. Sistem Audio ii. Sewa tapak iii. Makan Minum peserta	Malaysia: RM5,000 Luar Negara: RM15,000	NA
b) Webinar i. Portal / platform dalam talian ii. Promosi sesi webinar	NA	RM2,000

iii. Penceramah dengan kelayakan akademik: <ul style="list-style-type: none"> • Diploma / sijil • Sarjana Muda • Sarjana • Ph.D. 		
--	--	--

4.4 LAWATAN SUAI KENAL (FAMTRIP)

AKTIVITI / PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (REIMBURSABLE)
Program Suai Kenal / FAMTRIP <ul style="list-style-type: none"> i. Makan Tengahari/ Makan Malam (SEKALI SAHAJA) ii. Persembahan Kebudayaan iii. Bayaran Masuk Produk Pelancongan iv. Pemandu Pelancong v. Pengangkutan Bas/Van Persiaran 	-Kelayakan Maksimum- Malaysia: RM5,000

Nota:

- i. Peserta FAMTRIP yang LAYAK terdiri daripada Ejen Pelancongan, Pemandu Pelancong, Media, Blogger dan *KOL/Influencer* atau mana-mana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa.
- ii. Lokasi program dan peserta FAM TRIP perlulah berbeza untuk setiap permohonan yang dikemukakan.
- iii. Program berkesinambungan dengan peserta yang sama hanya layak dipertimbangkan 1 program sahaja.

4.5 HEBAHAN VIDEO (MELALUI PLATFORM/ MEDIUM ATAS TALIAN) *ONLINE*

AKTIVITI / PROGRAM	*AMAUN PENGEMBALIAN (REIMBURSABLE) -Kelayakan Maksimum-
<p>Hebahan video promosi pelancongan melalui platform atau medium atas talian (<i>Online</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Portal / Platform atas talian (<i>Online Portal / Platform</i>) ii. <i>KOL (Key opinion leader) / Influencer</i> iii. Video promosi pakej pelancongan atau produk yang dimiliki pemohon iv. Elemen <i>hard sell</i> produk/pakej pelancongan yang dijual v. Laporan jualan pakej pelancongan atau lain-lain berkaitan 	RM30,000

Nota:

- i. Video promosi berkaitan produk atau pakej pelancongan yang dimiliki oleh pemohon perlulah mempunyai elemen *hard sell* dengan mengemukakan laporan penuh hasil jualan pakej produk pelancongan atau lain-lain yang berkaitan yang diperolehi daripada video promosi yang dihasilkan untuk tujuan rekod.
- ii. Kos produksi tidak ditanggung.

- iii. Tourism Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua tindakan undang-undang atau tuntutan gantirugi oleh mana mana pihak ke atas video yang dihasilkan.
- iv. Setiap informasi atau maklumat yang disampaikan di dalam video promosi pelancongan oleh *KOL (Key Opinion Leader) / influencer* adalah pendapat peribadi yang mereka rasakan boleh dipercayai. Pihak Tourism Malaysia tidak memperakukan kesasihan atau ketepatannya dan tidak akan bertanggungan (*liable*) terhadap kebergantungan pihak ketiga ke atas informasi atau maklumat yang terkandung dalam video tersebut.

PERMOHONAN

GAMELAN MALAYSIA

(GALAKAN MELANCONG MALAYSIA)

(GM)

5. PERMOHONAN AWAL

Permohonan **AWAL** hendaklah dihantar sebelum aktiviti/program Promosi & Pemasaran yang berkenaan dilaksanakan ATAU disertai untuk **KELULUSAN**. Permohonan ini **PERLU** disertakan dengan butiran/dokumen lengkap seperti berikut;

BIL	KATEGORI PEMOHON	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
1.	Syarikat/Agenzi Pelancongan	1. Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; dan 2. Sijil Pendaftaran daripada MOTAC
2.	Persatuan Pelancongan, Seni & Budaya yang berdaftar/diiktiraf	Sijil Pendaftaran Persatuan
3.	Pengusaha Penginapan yang berdaftar	1. Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; 2. Sijil Pendaftaran daripada MOTAC; 3. Sijil Pendaftaran daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia; dan 4. Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
4.	Persatuan Membeli Belah (<i>Shopping</i>)	1. Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; dan 2. Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
5.	Pengusaha <i>Community Based Tourism</i> (CBT)	Sijil-sijil yang berkaitan untuk mengesahkan perusahaan.

BIL	KATEGORI PEMOHON	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
6.	Persatuan/Kelab mempromosikan produk minat khas (<i>niche</i>) seperti <i>Golfing, Birding, Diving, Fishing, Wedding, Cycling, Mountain Climbing, Paragliding, Motorsports, Gourmet</i> dan bidang-bidang lain yang bersesuaian	Sijil Pendaftaran Persatuan
7.	Taman Tema & Pemilik Produk Pelancongan, Seni & Budaya yang berdaftar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; dan 2. Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
8.	<i>Government linked Company (GLC)</i> [Bagi kos promosi yang tidak dibiayai oleh pihak Kerajaan Pusat/Negeri].	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sijil Perakuan Pendaftaran daripada SSM; dan 2. Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) PERMOHONAN

JENIS PERMOHONAN	DOKUMEN PERMOHONAN <i>OFFLINE / ONLINE</i>	TANDA
<p>a) PENYERTAAN DI DALAM PAMERAN PELANCONGAN (<i>TRAVEL FAIRS/EXHIBITIONS</i>)</p> <p>Malaysia & Luar Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi permohonan atas talian (<i>online</i>) – yuran penyertaan sahaja yang layak dipohon 	<p>i. Sijil Pendaftaran</p> <p>ii. Pengesahan Penganjuran</p> <p>iii. Itinerari Program/Lawatan</p> <p>iv. Kos Penyertaan</p> <p>*Pembinaan/Sewaan <i>Booth</i></p> <p>*Penerbangan (Malaysia & Luar Negara)</p> <p>*Pengangkutan Darat (Malaysia: Tol/<i>Parking</i>/Feri/LRT/Kereta sewa/Grab/Teksi)</p> <p>*Penginapan</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
<p>b) PENYERTAAN DI DALAM MISI JUALAN (<i>TOURISM SALES MISSION / ROADSHOWS</i>)</p> <p>Malaysia & Luar Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi permohonan atas talian (<i>online</i>) – yuran penyertaan sahaja yang layak dipohon 	<p>i. Sijil Pendaftaran</p> <p>ii. Pengesahan Penganjuran</p> <p>iii. Itinerari Program/Lawatan</p> <p>v. Kos Penyertaan</p> <p>*Pembinaan/Sewaan <i>Booth</i></p> <p>*Penerbangan (Malaysia & Luar Negara)</p> <p>*Pengangkutan Darat</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

	(Malaysia: Tol/Parking/Feri/LRT/Kereta sewa/Grab/Teksi) *Penginapan	<input type="checkbox"/>
	*jika berkaitan	
c) PROGRAM SEMINAR PELANCONGAN Malaysia & Luar Negara	i. Sijil Pendaftaran ii. Bukti Pengesahan Penganjuran iii. Senarai Peserta iv. Itinerari Program/Lawatan v. Kos Penyertaan *Sistem Audio *Sewa Tapak *Makan Minum Peserta	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
	*jika berkaitan	
d) WEBINAR Pasaran Malaysia & Luar Negara	i. Sijil Pendaftaran ii. Pengesahan Penganjuran dari platform yang digunakan iii. Kos (Portal/Platform/ Promosi/Penceramah) iv. Biodata Penceramah Berserta Kelayakan Akademik (Senarai Penceramah)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
e) LAWATAN SUAI KENAL (FAMTRIP)	i. Sijil Pendaftaran	<input type="checkbox"/>

Malaysia	ii. Pengesahan Penganjuran & itinerari lawatan	<input type="checkbox"/>
	iii. Senarai nama peserta, jawatan, nama syarikat	<input type="checkbox"/>
	iv. Kos Penyertaan *Makan Tengahari/Makan Malam (Sekali Sahaja) *Persembahan Kebudayaan *Bayaran Masuk Produk Pelancongan *Pemandu Pelancong *Pengangkutan Bas/Van Persiaran	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
	*jika berkaitan	
f) HEBAHAN VIDEO PRODUK PELANCONGAN (MELALUI PLATFORM/ MEDIUM ATAS TALIAN)	i. Sijil Pendaftaran	<input type="checkbox"/>
Portal/Platform Malaysia & Luar Negara	ii. Kertas Cadangan Video Yang Akan Disiarkan	<input type="checkbox"/>
	iii. Kos Portal/Platform Atas Talian/ <i>KOL/Influencer</i>	<input type="checkbox"/>
	iv. Biodata <i>KOL / Influencer</i> (Jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>

**TUNTUTAN
(*REIMBURSABLE*)
GAMELAN MALAYSIA
(GALAKAN MELANCONG MALAYSIA)
(GM)**

6. SENARAI SEMAK (CHECKLIST) TUNTUTAN

6.1. PENYERTAAN DI DALAM PAMERAN PELANCONGAN (TRAVEL FAIRS / EXHIBITIONS IN MALAYSIA & OVERSEAS) - OFFLINE & ONLINE

JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN	TANDA
a) Kos Penyertaan / *Sewaan Booth	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois iii. Bukti Penyertaan (Pas Pempamer/Laporan bergambar)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
b) *Pembinaan Booth (Construction/Enhancement)	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
c) *Kos Penerbangan	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois iii. <i>Boarding Pass/Cop Keluar & Masuk Negara Luar (Paspot)</i>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
d) *Kos Pengangkutan Darat	i. Resit/Tiket	<input type="checkbox"/>
e) *Kos Penginapan	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

f) *Bagi permohonan atas talian (<i>online</i>) – yuran penyertaan sahaja yang boleh dituntut	i. Resit dan Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois iii. Bukti Penyertaan – e-mail pengesahan dari penganjur iv. Laporan bergambar & tangkap layar (<i>screenshot</i>)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
---	--	--

* Jika berkaitan

6.2 PENYERTAAN DI DALAM MISI JUALAN & ROADSHOW (*TOURISM SALES MISSION & ROADSHOWS*) - OFFLINE & ONLINE

JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN <i>*dokumen asal yang diimbas (scan) berwarna</i>	TANDA <input checked="" type="checkbox"/>
a) Kos Penyertaan / *Sewaan Booth	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois iii. Bukti Penyertaan (Pas Pempamer, Laporan bergambar)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
b) *Pembinaan Booth (<i>Construction/Enhancement</i>)	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
c) *Kos Penerbangan	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

	iii. <i>Boarding Pass/Cop Keluar & Masuk Negara Luar (Paspot)</i>	<input type="checkbox"/>
d) *Kos Pengangkutan Darat	i. Resit/Tiket	<input type="checkbox"/>
e) *Kos Penginapan	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
f) Bagi permohonan atas talian (<i>online</i>) – yuran penyertaan sahaja yang layak dipohon	i. Resit dan Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois iii. Bukti Penyertaan iv. Laporan bergambar & tangkap layar (<i>screenshot</i>)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

*Jika berkaitan

6.3 PROGRAM SEMINAR PELANCONGAN DI DALAM NEGERI / LUAR NEGERI - OFFLINE & ONLINE

JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN	TANDA
	*dokumen asal yang diimbas (<i>scan</i>) berwarna	<input checked="" type="checkbox"/>
a) Seminar Pelancongan *Sistem Audio *Sewa tapak *Makan Minum peserta *Jika berkaitan	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

	iii. Senarai kehadiran dan tandatangan iv. Laporan Bergambar	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
b) <i>WEBINAR</i> Menggunakan Portal/Platform yang diiktiraf *Portal/Platform dalam talian *Promosi sesi webinar *Penceramah *Jika berkaitan	i. Resit dan Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois iii. Senarai kehadiran & Jawatan iv. Laporan dari portal/platform	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

6.4 PROGRAM LAWATAN SUAI KENAL (FAMTRIP)

JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN *dokumen asal yang diimbas (<i>scan</i>) berwarna	TANDA
*Makan Tengahari/ Makan Malam *Persembahan Kebudayaan *Bayaran Masuk *Pemandu Pelancong *Pengangkutan Bas/Van Persiaran *Jika berkaitan	i. Resit/Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois iii. Senarai peserta, jawatan & nama syarikat iv. Laporan Bergambar	<input checked="" type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

6.5 HEBAHAN VIDEO PRODUK PELANCONGAN MELALUI PLATFORM / MEDIUM ATAS TALIAN (*ONLINE*)

JENIS PERBELANJAAN	DOKUMEN TUNTUTAN	TANDA
	*dokumen asal yang diimbas (<i>scan</i>) berwarna	<input checked="" type="checkbox"/>
i. Portal/Platform atas talian (<i>Online</i>) ii. <i>KOL (Key opinion leader) / Influencer</i>	i. Resit dan Penyata Bank/Penyata Kad Kredit/ <i>Telegraphic Transfer</i> ii. Invois iii. Laporan dari portal/platform (<i>analytical/impression report</i> dalam tempoh siaran) iv. Link hebahan & tangkap layar (<i>screenshot</i>) v. Laporan hasil jualan produk/pakej pelancongan/dan lain-lain yang berkaitan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

NOTIS PENTING

- i. **Tuntutan ke atas GAMELAN** yang telah diluluskan mesti dibuat di dalam **tempoh 90 hari selepas dari** tarikh akhir aktiviti/program atau tarikh surat kelulusan (yang mana terkemudian) berserta dengan dokumen lengkap. Kegagalan mengemukakan tuntutan dalam tempoh tersebut akan menyebabkan kelulusan permohonan tersebut **TERBATAL** secara automatik.
- ii. **Tuntutan GAMELAN PERLU** disokong dengan **Resit Asal** atau **Penyata Bank** atau **Penyata Kad Kredit** atau **Telegraphic Transfers** dan **Invois sebagai BUKTI PENYERTAAN / PELAKSANAAN** (*scan* berwarna).
- iii. Walau bagaimanapun bagi pemohon yang tidak dapat mengemukakan resit asal atau apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk proses pembayaran, pemohon dikehendaki untuk mengemukakan salinan resit asal atau apa-apa dokumen yang dikehendaki yang telah diperakukan sah oleh **Pesuruhjaya Sumpah atau pegawai Kerajaan dari kumpulan Pengurusan & Professional**.
- iv. Semua dokumen tuntutan **PERLU** di bawah nama **PEMOHON (Persatuan/Syarikat/Individu)**. Tuntutan yang dibuat **BUKAN** di bawah nama pemohon, **TIDAK AKAN DITERIMA/DIPERTIMBANGKAN**.
- v. Panduan ini tertakluk kepada penilaian tahunan (*yearly review*) dan perubahan dari masa ke semasa.

- vi. Sekiranya **DOKUMEN / TUNTUTAN** didapati **PALSU**, pemohon dan syarikat/persatuan yang diwakili nama pemohon, akan **DISENARAI HITAM** oleh **Tourism Malaysia** dan **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia**.
- vii. **SEGALA KEPUTUSAN UNTUK PERMOHONAN DAN TUNTUTAN GAMELAN ADALAH MUKTAMAD. SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**

JADUAL KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN PENCERAMAH DAN SOCIAL MEDIA INFLUENCER / KOL GAMELAN MALAYSIA

Jadual Kadar Bayaran Penceramah Untuk Penjawat Awam

KUMPULAN PERKHIDMATAN	KADAR BAYARAN	HAD MAKSIMUM SEBULAN
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300 sejam	Tidak melebihi setengah bulan gaji bulanan pegawai
Kump Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200 sejam	
Kump Pengurusan & Profesional Gred 45 – 52	RM150 sejam	
Kump Pengurusan & Profesional Gred 41 - 44	RM120 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80 sejam	

Jadual Kadar penceramah individu bukan penjawat awam/pesara kerajaan

Kadar Asas Mengikut Kelayakan Akademik			
Diploma / Sijil	Sarjana Muda	Sarjana	Ph.D
RM100 sejam	RM200 sejam	RM300 sejam	RM400 sejam

- Tempoh masa minimum yang boleh dipertimbangkan untuk setiap penceramah di dalam satu sesi webinar ialah 15 minit.
- Kadar bayaran akan dikira secara purata daripada kadar asas mengikut kelayakan akademik setiap penceramah yang dimohon.

PENETAPAN KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN SOCIAL MEDIA INFLUENCER / KOL

1. PENYIARAN VIDEO PELANCONGAN DENGAN PERKHIDMATAN INFLUENCER/KOL

(FOLLOWERS : INSTAGRAM / FACEBOOK / YOUTUBE / TIKTOK / TWITTER / LAIN-LAIN)

FOLLOWERS 500 - 1K	FOLLOWERS 5001 – 10K	FOLLOWERS 30,001 – 50K	FOLLOWERS 70,001 – 100K	FOLLOWERS 300,001 – 500K	FOLLOWERS 700,001 – 1M
RM1000	RM3,000	RM5,000	RM8,000	RM10,000	RM25,000
↑ FOLLOWERS 0 - 499	↑ FOLLOWERS 1001 – 5000	↑ FOLLOWERS 10,001 – 30K	↑ FOLLOWERS 50,001 – 70K	↑ FOLLOWERS 100,001 – 300K	↑ FOLLOWERS 500,001 – 700K
RM500	RM1,500	RM4,000	RM6,000	RM9,000	RM12,500

NOTA :
BAYARAN UNTUK SATU PROJEK SAHAJA
KOS PRODUKSI TIDAK DITANGGUNG
TERMASUK SEMUA PLATFORM MEDIA SOSIAL
50% DARIPADA KADAR BAYARAN DILULUSKAN

PENETAPAN KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN SOCIAL MEDIA INFLUENCER / KOL

2. PENYIARAN VIDEO PELANCONGAN TANPA PERKHIDMATAN INFLUENCER/KOL

(FOLLOWERS : INSTAGRAM / FACEBOOK / YOUTUBE / TIKTOK / TWITTER / LAIN-LAIN)

* Promosi video akan disiarkan di dalam media sosial Influencer/KOL

FOLLOWERS 100K – 500K	FOLLOWERS 500,001 – 1M	FOLLOWERS 1M ++
RM 1,000	RM 3,000	RM 5,000

NOTA :
BAYARAN UNTUK SATU PROJEK SAHAJA
KOS PRODUKSI TIDAK DITANGGUNG
TERMASUK SEMUA PLATFORM MEDIA SOSIAL
50% DARIPADA KADAR BAYARAN DILULUSKAN